

11 program semarak Hari Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan 11 program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan hari ini.

DBKL dalam kenyataan semalam memaklumkan program berkenaan dianjurkan sejak Oktober tahun lalu hingga 14 Julai depan.

Antara program terbabit ialah 1 Suara @ 50 WP yang dianjurkan bermula Oktober lalu hingga sepanjang Februari ini, Teaterikal Gemuruh (23 hingga

25 Februari), Prosperity Walk dan Sambutan Tahun Baharu Cina (24 Februari), Marathon Basikal @GFNY Kuala Lumpur (25 Februari) serta Karnival 50WP 2024 (13 dan 14 Julai).

Menurut kenyataan itu, DBKL turut menghiasi jalan utama di sekitar ibu negara seperti Jalan Raja Laut, Jalan Raja, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Sultan Ismail dengan memasang 3,000 gegantungan bendera Wilayah Persekutuan.